

Sungai Golok semakin kering

» Kemarau luar biasa jejas bekalan air penduduk

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin
bhkb@bh.com.my

■ Rantau Panjang

Musim kemarau sejak beberapa bulan lalu menyebabkan paras air di Sungai Golok di sini, susut kepada 0.3 meter sahaja sejak dua bulan lalu.

Tinjauan BH mendapati hampir semua bot yang digunakan penduduk tersadai dan tidak boleh digunakan, berikutan air sungai itu hanya pada paras lutut.

Lebih menyedihkan, kesan kemarau menyebabkan penduduk di kawasan berkenaan terputus bekalan air apabila telaga tiub kering sejak sebulan lalu, menyebabkan mereka terpaksa mendapatkan bekalan air dari Sungai Golok untuk keperluan harian.

Jabatan Meteorologi mendapati suhu di daerah berkenaan sekitar 35 darjah celsius hingga 37 darjah celsius, berbanding daerah lain dalam tempoh sebulan ini, namun masih terkawal.

Penduduk, Saripah Hassan, 60, berkata sejak sebulan lalu, dia dan ahli keluarganya, termasuk empat cucu yang masih kecil terpaksa mandi di sungai itu memandangkan tiada bekalan air di rumah.

Beliau yang menggunakan telaga tiub sejak 30 tahun lalu



Pengusaha bot penambang terpaksa menolak bot menggunakan kayu apabila Sungai Golok semakin cetek akibat kemarau sejak dua bulan lalu.
(FOTO FATHIL ASRI/BH)

berkata, bekalan air terputus itu adalah kali pertama dihadapi mereka sekeluarga, walaupun Kelantan sering dilanda musim kemarau.

“Namun, musim kemarau tahun ini selepas bencana banjir teruk Disember lalu sangat luar biasa menyebabkan air bawah tanah kering. Malah, kami penduduk di sini, terkejut melihat paras air Sungai Golok semakin kering sejak dua bulan lalu.

“Saya terpaksa menghabiskan banyak wang untuk membeli air mineral sebagai bekalan air bersih untuk memasak di rumah,” katanya ketika ditemui di Kampung Lorong Klinik, di sini, semalam.

Di Kuala Lumpur, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi

Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail, berkata pihaknya memberi keutamaan kepada permintaan bagi pembenihan awan di Kelantan dan Negeri Sembilan bagi meningkatkan paras air empangan.

Pembenihan awan

Katanya, proses pembenihan awan di Empangan Pergau, Kelantan bagi meningkatkan paras air empangan,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

“Cuaca sekarang banyak pengumpulan awan jadi ia memudahkan lagi proses pem-

benihan awan di kawasan kering,” katanya.

Berbeza pula dengan Mustapa Ibrahim, 59, yang mengambil peluang daripada Sungai Golok yang cetek itu dengan mencari etak atau kerang sungai.

Katanya, air cetek sepanjang sungai itu memudahkannya mendapatkan lebih banyak hasil etak sehingga mampu memperoleh lebih tiga kilogram (kg) sehari.

“Saya tidak pernah mendapat hasil sebanyak itu kerana sebelum ini hanya memperoleh sekitar satu kg sahaja. Walaupun gembira mendapat hasil yang banyak, kami berdepan kesulitan kerana bekalan air terputus sejak sebulan lalu,” katanya.